

Headline	<b>Siti Zanariah pelajar terbaik Kolej Risma</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>20. Aug 2008</b>	Page No	<b>24</b>
Media Title	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>216 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Setempat</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>336603</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2192000</b>	AdValue	<b>2780.74</b>



**Siti Zanariah pelajar terbaik Kolej Risma**

**Kampus**

>>Oleh Syarifah Dayana  
Syed Bakri  
dayana@hmetro.com.my

**KUALA LUMPUR:** Minat mendalam terhadap bidang pertanian membakar semangat seorang graduan untuk menuntut ilmu dalam bidang itu sehingga berjaya merangkul Anugerah Pelajar Terbaik pada Majlis Konvokesyen Kolej Risma ketujuh, di sini, semalam.

Graduan Diploma Pertanian, Siti Zanariah Rohazad, 21, mula menyemai minat dalam bidang berkenaan sejak zaman persekolahan terutama selepas melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Teknik (Pertanian) Chenor, Pahang.

Dia yang berjaya mengkalkan jumlah nilai ku-

**BANGGA**  
...Siti Zanariah diapit bapanya, Rohazad Salleh serta dua adiknya Mohd Zaki (kiri) dan Mohd Zuhairi.

mulatif terkumpul (CGPA) 3.54 dinobatkan sebagai Pelajar Terbaik Keseluruhan merancang menjadikan bidang pertanian sebagai kerjaya.

“Saya memang meminati bidang pertanian sejak zaman persekolahan dan bercadang mengusahakan ladang ternakan kambing satu hari nanti,” katanya.

Menurutnya, ruang untuk melaksanakan projek ternakan kambing itu su-

dah diperoleh, namun modal untuk memulakan agak terhad dan menjadikan rancangannya itu tidak dapat diteruskan.

Siti Zanariah berkata, dia juga terpaksa menanggguhan hasrat melanjutkan pelajaran ke Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang sama kerana mahu mengutip pengalaman dalam bidang berkenaan.

“Saya merancang untuk bekerja bagi memperoleh

seberapa banyak pengalaman dalam bidang pertanian dan selepas itu, baru saya akan fikirkan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi,” katanya.

Siti Zanariah antara 333 graduan Kolej Risma yang menerima diploma masing-masing daripada Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Joseph Kurup.